

Mendepani Gelombang Ketiga COVID-19

UNTUK satu tempoh sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlarutan sejak 18 Mac lalu, kehidupan sebahagian daripada kita kelihatan tenang. Ramai yang menganggap kita sudah bebas daripada mimpi buruk COVID-19.



Pada hakikatnya, negara tidak bebas sepenuhnya daripada impak COVID-19, perincian data pada 6 Oktober lalu telah mengejutkan negara. Seluruh rakyat tersentak apabila mengetahui negara merekodkan sebanyak 691 kes baharu COVID-19. Kita mula cemas kembali. “Aduhai!”, “teruklah selepas ini!”. Malah ada yang mengatakan “matilah kita”. Ini antara reaksi awal yang diterima daripada rakyat yang rata-rata berasa bimbang untuk melalui satu lagi kitaran kehidupan yang lebih buruk. Keadaan itu, secara langsung turut menggambarkan bahawa kita tidak sanggup untuk berhadapan dengan episod kesengsaraan dan keperitan hidup.

PKP dikuatkuasakan mulai 18 Mac lalu sebelum memasuki fasa PKPP bermula 10 Jun lalu, yang berlarutan hingga 31 Ogos sebelum disambung lagi hingga 31 Disember ini. Di tengah-tengah fasa tersebut, kerajaan juga menguatkuasakan PKP Diperketatkan (PKPD), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Diperketatkan Secara Bersasar (Temco) mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Paras tiga digit kes COVID-19 diumumkan pada 6 Oktober lalu merupakan jumlah paling tinggi dalam satu hari yang direkodkan oleh Malaysia sejak kes pertama jangkitan COVID-19 dikesan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada penghujung Januari lalu. Senario semasa membawa mesej yang jelas bahawa setiap anggota masyarakat perlu terus berganding bahu, bertekad, berjaga-jaga dan berwaspada, serta memperlihatkan komitmen yang tinggi untuk memastikan negara benar-benar bebas daripada pandemik COVID-19.

Mengumumkan jumlah 691 kes menerusi kenyataan media yang dibuat secara siaran langsung menerusi platform dalam talian, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham

Abdullah, yang turut berada dalam kuarantin sendiri di rumah kerana merupakan antara individu yang menghadiri mesyuarat khas di Jabatan Perdana Menteri pada 3 Oktober lalu, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, memberitahu bahawa jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan juga telah meningkat kepada 2936 kes.

Kenyataan media yang dibuat oleh kedua-dua mereka mencerminkan negara berhadapan dengan gelombang ketiga wabak COVID-19 selepas mencatatkan jumlah kes harian paling tinggi sepanjang empat hari berturut-turut. Angka 691 juga menyaksikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 13 504 dalam tempoh tiga hari, melepasi angka 12 ribu dengan 12 088 kes pada 3 Oktober lalu.

Menurut Noor Hisham, lebih separuh daripada 691 kes itu, iaitu 394 kes melibatkan Kluster Tembok di Kedah. Kesemua kes positif Kluster Tembok ialah kluster terasing di dalam Kawasan Temco, oleh itu risiko penularan jangkitan amat rendah dan terkawal. Kenyataan itu agak menenangkan tetapi impak jangka panjang yang perlu dihadapi oleh negara tetap besar.

Peningkatan kes tertinggi ini juga berpunca daripada penularan COVID-19 di Sabah yang pada ketika itu sedang melalui Pilihan Raya Negeri Sabah yang berlangsung pada 26 September lalu. Meskipun Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada awalnya menjangkakan bahawa PRNS akan mengguna pakai Prosedur Operasi Standard (SOP) SPR pada dua pilihan raya kecil (PRK) sebelum ini, iaitu Chini dan Slim yang membuktikan tiada penularan COVID-19 dalam kedua-dua PRK tersebut, namun apa-apa yang diharapkan tidak berlaku dalam PRNS.

Semasa kempen PRNS berbaki beberapa hari sahaja lagi, kita dimaklumkan tentang penularan COVID-19 di Sabah, malah ada yang

melibatkan calon dan pemimpin yang bertanding dan berkempen. Namun begitu, PRN tetap diteruskan dan sebaik-baik sahaja PRNS selesai, didapati satu demi satu kes positif COVID-19 membabitkan pemimpin yang berkempen dalam PRN dan mereka yang baru pulang dari Sabah dikenal pasti. Pandemik COVID-19 membadaai Sabah, sehingga makalah ini ditulis, Sabah terus mencatatkan kes tertinggi. Kerajaan juga telah mengumumkan pelaksanaan perintah Kawalan Rentas Daerah di Sabah dan sempadan Sabah turut ditutup bermula 12 Oktober lalu.

Pada masa yang sama, kerajaan menjangkakan penularan COVID-19 akan terus meningkat memandangkan KKM menjalankan ujian saringan secara lebih agresif, termasuk di penjara dan pusat tahanan. Sejak beberapa minggu yang lalu, kes positif dalam kalangan tahanan di penjara menyumbang kepada sebahagian besar peningkatan jumlah pesakit COVID-19. Begitu pun, kerajaan tidak ada rancangan untuk melaksanakan semula PKP fasa 2.0 di seluruh negara pada waktu ini. Menurut Perdana Menteri, sekiranya PKP dilaksanakan sekali lagi akan membawa kesan besar yang dikhuatiri mampu meruntuhkan sistem sosial dan ekonomi negara.

“Apa-apa yang akan dilakukan kerajaan adalah dengan melaksanakan PKPD Secara Bersasar di kawasan yang dikenal pasti mempunyai kes COVID-19 yang tinggi. Dengan ini, aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan lain yang tidak terjejas boleh diteruskan dengan amalan SOP yang ketat dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas,” ujar Perdana Menteri.

Malaysia bukan satu-satunya negara yang berhadapan dengan gelombang ketiga COVID-19. Hingga 6 Oktober lalu, Malaysia telah mengesan sebanyak 13 504 kes dengan 141 kematian. Pada peringkat dunia, lebih 36 juta kes dikesan dengan satu

juta telah terkorban. Kebanyakan negara yang ditimpa musibah berasa kesan gelombang ketiga dengan ada yang turut memperketat peraturan dan undang-undang serta SOP pada pelbagai peringkat. Pahit dan sukar untuk diterima tetapi itulah hakikat yang sebenar.

Sebenarnya pihak berkuasa telah mengingatkan orang ramai sejak Jun lalu bahawa setiap orang perlu mematuhi peraturan, arahan dan SOP yang dikeluarkan demi kebaikan dan manfaat bersama-sama. Memutuskan rantaian COVID-19 memerlukan kerjasama dan sokongan setiap individu. Hal ini bukan isu yang hanya membabitkan seorang dua, tetapi kesan ketidakpatuhan SOP akan membawa mudarat buruk kepada seluruh rakyat di negara ini.

Pada Ogos lalu, menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, ekonomi Malaysia menguncup 17.1 peratus dalam suku kedua 2020, penyusutan dua angka bagi suku yang terburuk sejak 1998 berikutan PKP yang tidak dijangkakan bagi membendung penularan COVID-19 dan menyaksikan ekonomi hampir tidak bergerak. Pada suku keempat 1998, ekoran kegawatan ekonomi, Malaysia mencatatkan penyusutan dua angka, iaitu sebanyak 11.2 peratus dan pada suku kedua 2019, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah 4.9 peratus. Bagi suku kedua tahun ini, semua sektor perkhidmatan, perlombongan dan kuari dan pembinaan masing-masing susut sebanyak 16.2 peratus, 18.3 peratus, 20 peratus dan 44.5 peratus.

Sebagai orang yang terlibat secara langsung dalam sektor perkhidmatan, saya boleh berasakan laluan sukar yang dialami oleh semua pihak. Ekonomi baru mula kembali pulih. Kerajaan telah meramalkan impak tersebut dan mengumumkan siri pakej rangsangan ekonomi sejak penghujung Februari lalu yang melebihi dana sebanyak

Memutuskan rantaian COVID-19 memerlukan kerjasama dan sokongan setiap individu. Hal ini bukan isu yang hanya membabitkan seorang dua, tetapi kesan ketidakpatuhan SOP akan membawa mudarat buruk kepada seluruh rakyat di negara ini.

RM305 bilion. Usaha ini dijangka akan membawa sumbangan sebanyak 3.7 hingga empat peratus kepada KDNK tahun 2020.

Pada Ogos lalu, semasa Sidang Kedua Parlimen – sejak wabak COVID-19 melanda Malaysia, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2020. Usaha susulan ini amat mustahak untuk mengubati “kesihatan” ekonomi negara yang turut terkena tempias perang perdagangan ekonomi antara Amerika Syarikat (AS) dengan China.

Pemantauan dan pemerhatian sejak PKPP dikuatkuasakan dengan beberapa kelonggaran yang diharapkan menunjukkan peraturan yang ditetapkan masih belum cukup ketat untuk benar-benar membendung COVID-19. Walaupun pengumuman dan makluman dibuat pada setiap hari, kebanyakan daripada kita kelihatan tidak bimbang, takut dan cemas sama sekali. Kita dilamun kejayaan awal mendatarkan keluk jangkitan COVID-19. Ada yang tidak kisah dengan kadar denda yang dikuatkuasakan. Ya, ramai yang berupaya untuk membayar denda sebanyak RM1000 sebagaimana denda bagi kesalahan kecil yang lain. Selain itu, ada yang beranggapan bahawa pihak berkuasa kita tidak cukup tegas atau berlemah lembut.

Muhyiddin pernah menegaskan bahawa tidak ada sikap pilih kasih dalam mematuhi arahan kuarantin dan semua pihak termasuk beliau dan menteri kabinetnya tidak terkecuali daripada mematuhi SOP yang ditetapkan. Perdana menteri memberikan jaminan beliau sebagai pemimpin nombor satu negara yang telah dua kali menjalani kuarantin di rumah termasuk selepas mengetahui salah seorang menteri kabinet yang menghadiri mesyuarat

dipengeruskannya positif COVID-19 pada 3 Oktober lalu.

Kita tiada pilihan. Pihak berkuasa perlu meningkatkan peraturan dan SOP semasa yang dilonggarkan secara berperingkat-peringkat merangkumi kesemua sektor. Hal ini termasuk cadangan untuk mengehadkan majlis dan perhimpunan orang ramai termasuk persidangan besar dan kenduri kahwin bagi mengurangkan kebarangkalian jangkitan COVID-19. Peraturan ini perlu dilakukan tanpa kompromi dari segi kepentingan ekonomi kerana dalam keadaan yang tertekan sekarang, kestabilan ekonomi sangat penting dalam menjamin kesejahteraan.

Pada masa yang sama, aspek pematuhan yang menyeluruh juga sangat penting. Denda tidak patuh SOP dan undang-undang wajar disemak semula dan disegerakan. Pemerhatian secara am menunjukkan kebanyakan rakyat dan pihak pelaksana, kedua-dua sektor awam dan swasta, masih belum jelas tentang inti pati SOP. SOP yang diputuskan oleh pihak berkuasa pusat dan kerajaan tempatan harus dilaksanakan dengan jelas tetapi tegas. Sebagai contoh, pematuhan aplikasi MySejahtera dan secara manual apabila membabitkan kunjungan satu keluarga pada masa yang sama perlu jelas dan harus mengelakkan kekeliruan dalam kalangan rakyat. Wujud tafsiran yang pelbagai dan berbeza. Ada pihak yang mendakwa pihak berkuasa mengenakan tindakan yang bertentangan dengan keperluan peraturan. Ada juga yang mendakwa pihak berkuasa tempatan pula mengenakan peraturan sendiri yang berbeza daripada SOP yang ditetapkan oleh KKM dan kerajaan pusat. Meskipun pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri ada kuasa tertentu untuk berbuat demikian, penguatkuasaan yang seragam penting bagi menjamin pematuhan dan impak pelaksanaan

semua pihak. Dalam hal ini, semua pihak perlu mengetepikan kepentingan politik wilayah demi kesejahteraan negara dari perspektif yang lebih luas.

Apa-apa yang pasti, impak wabak COVID-19 tidak akan berakhir pada tahun ini. Virus ini akan kekal untuk tempoh enam bulan hingga beberapa tahun akan datang. Kemungkinan COVID-19 akan menjadi sebahagian daripada senarai penyakit dalam kehidupan manusia sangat tinggi. Kemungkinan juga kita boleh berhadapan dengan gelombang keempat sekiranya sempadan negara dibuka kepada kehadiran rakyat asing atau pelancong dalam skala besar-besaran kelak.

Oleh itu, pihak berkuasa di semua peringkat perlu memikirkan pendekatan pendidikan jangka panjang untuk mendidik orang ramai tentang COVID-19. Pematuhan SOP pada setiap peringkat tindakan sama ada di rumah, di luar rumah, pejabat, lapangan terbang, pasar, pasar raya, sekolah, tempat makan dan minum, dan di mana-mana sahaja, perlu diperketatkan dan dipertingkatkan.

COVID-19 menunjukkan negara memerlukan pelan strategi kesihatan dan ekonomi jangka panjang yang menyeluruh. Kita perlu kembali kepada sejarah krisis lalu untuk merombak sistem, undang-undang dan dasar yang sedia ada. Negara maju juga telah ditundukkan oleh COVID-19. Jadikan semua itu sebagai teladan dan pengajaran untuk masa hadapan yang lebih terjamin.

Kita boleh melakukan perubahan. Kebanyakan kes yang dilaporkan menunjukkan kita boleh mencegah berlakunya penularan COVID-19 jika kita mengutamakan amalan slogan “kita jaga kita”. Anggaplah COVID-19 sebagai era baharu kehidupan dengan mengamalkan nilai positif dalam kehidupan kita demi kepentingan semua.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira satu

daripada 10 orang mungkin dijangkiti COVID-19, menyebabkan sebahagian besar daripada penduduk dunia terdedah terhadap kesan pandemik ini. Pakar Kecemasan WHO, Mike Ryan ketika berucap kepada Lembaga Eksekutif badan kesihatan sedunia itu pada awal Oktober lalu memberitahu: “Anggaran kami sekarang, sekitar 10 peratus penduduk global mungkin dijangkiti virus ini. Hal ini berbeza-beza bergantung pada negara, bandar ke luar bandar, dan bergantung pada kelompok. Namun begitu, tetap menunjukkan sebahagian besar dunia tetap berisiko. Kita sedang menuju waktu yang sukar. Penyakit ini akan terus merebak”. Bank Dunia pula menegaskan bahawa COVID-19 telah “menelan” kemajuan yang dicapai lebih dua dekad yang lalu sekali gus memburukkan lagi kitaran kemiskinan ekstrem di seluruh dunia.

Kita perlu bersama-sama menunaikan tanggungjawab dalam memutuskan rantaian COVID-19 bagi memastikan negara bergerak ke arah bebas pandemik ini buat selama-lamanya. Jangan berasa selesa dengan kejayaan awal. Juga, utamakan amalan empati. Negara memerlukan sokongan yang lebih jitu daripada seluruh rakyat Malaysia untuk memutuskan rantaian pandemik COVID-19 secara menyeluruh.

Dalam tempoh 10 bulan yang lalu, kita telah melalui tujuh fasa PKP, iaitu fasa satu (18 hingga 31 Mac), fasa dua (1 hingga 14 April), fasa tiga (15 hingga 28 April), fasa empat (29 hingga 3 Mei), fasa lima (4 hingga 11 Mei), fasa enam (12 Mei 2020 hingga 9 Jun), dan fasa tujuh (10 Jun hingga 31 Ogos). Oleh itu, disiplinkan diri kita. Zahirkan komitmen. Insya-Allah, kita kekal selamat dan sejahtera. □

Penulis ialah Pengarah Eksekutif World Trade Centre Kuala Lumpur dan Pengerusi Majlis Penasihat Anggota Asia Pasifik (Persidangan dan Pameran).